

11/04/1997

PM lawat projek di Perak 15 Mei ini

IPOH, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melawat beberapa projek utama di Perak apabila beliau mengadakan kunjungan sehari ke negeri ini, 15 Mei ini.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata Perdana Menteri memulakan kunjungan dengan melawat Clearwater Sanctuary Golf Resort di Batu Gajah, iaitu bekas lombong yang kini menjadi resort golf menarik.

Menurutnya, projek seluas 360 hektar itu adalah contoh terbaik bagaimana bekas lombong boleh ditukar menjadi antara padang golf terbaik di Perak.

Katanya, projek itu turut merangkumi 50 chalet, padang golf 27 lubang serta rumah kelab.

Selepas itu, Dr Mahathir melawat Stesen Janakuasa Lumut, iaitu stesen jana kuasa terbesar di Asia Tenggara yang dikendalikan Segari Energy Venture (SEV).

Stesen di kawasan 32 hektar itu mampu membekalkan kuasa tambahan 11 peratus daripada jumlah keseluruhan penjanaan kuasa di Malaysia.

(END)